



KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	23/3/2021	MUKA SURAT	:	18
JABATAN	:	TNB			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			

Gabungan meter pintar, MyTNB bantu kawal penggunaan elektrik

Kuala Lumpur: Gabungan penggunaan meter pintar bersama aplikasi MyTNB mampu membantu pengguna kediaman mengawal penggunaan elektrik sekaligus dapat mengelakkan pembaziran.

Pengarah Projek Advanced Metering Infrastructure (AMI) Tenaga Nasional Berhad (TNB) Ir Mohamed Ghous Ahmad berkata, hasil kajian dijalankan di Melaka pada tahun lalu mendapati semua 24 peratus pengguna meter pintar di negeri itu yang memantau

penggunaan elektrik di rumah melalui MyTNB dapat menurunkan kadar bil elektrik berikutan mereka mengubah tabiat penggunaan bagi menjimatkan elektrik.

"Meter pintar berfungsi sebagai jangka yang mengukur aliran tenaga elektrik dan menghantar maklumat penggunaan ke pusat penyimpanan data TNB setiap hari.

"Informasi penggunaan elektrik ini boleh diakses pengguna di MyTNB bagi membantu mereka meran-

cang dan mengawal penggunaan tenaga elektrik dengan cekap serta cermat," katanya ketika ditemuramah Bernama.

Untuk rekod, kerajaan memilih Melaka sebagai negeri pertama melaksanakan pemasangan meter pintar dengan lebih 360,000 telah dipasang sejak 2014 dan pemasangan meter berkenaan kini giat dilaksanakan di Lembah Klang.

Aplikasi MyTNB adalah aplikasi mudah alih percuma untuk menguruskan akaun elektrik pengguna

TNB. Ia boleh dimuat turun di Google Play, Apple App Store dan Huawei AppGallery manakala portal MyTNB boleh dilayari di www.mytnb.com.my. Sehingga Feb 2021, lebih 4.8 juta akaun pengguna berdaftar telah menggunakan aplikasi MyTNB.

Menurut Mohamed Ghous pengguna yang tidak memiliki meter pintar juga boleh menjejak penggunaan tenaga masing-masing menggunakan aplikasi ini tetapi hanya secara bulanan.